

JENAYAH SEKSUAL KANAK-KANAK

Usah biar 'pegar makan padi'

Noor Mohamad Shakil Hameed



Statistik jenayah seksual ke atas kanak-kanak pada 2020 sehingga 30 Jun 2020 yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebanyak 1,721 kes. Data itu jika dipecahkan mengikut kategori kesalahan pula menunjukkan rogol (651 kes), sumbang mahram (106 kes), luar tabii (106 kes), cabul (344 kes) dan kesalahan mengikut Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 berjumlah 514 kes.

Ini menggambarkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak cukup membimbangkan dan semua pihak perlu memainkan peranan yang proaktif supaya dapat mencegahnya daripada terus membelenggu masyarakat.

Secara umumnya, kerajaan sudah mengambil pelbagai langkah dan tindakan bagi menangani isu jenayah pedofilia ini daripada aspek pencegahan, perundangan, intervensi, sistem sokongan dan juga kajian atau penyelidikan lanjut untuk membantu memantapkan sistem sedia ada. Justeru, persoalannya kenapa jenayah ini masih berlaku, malah boleh dikatakan semakin membimbangkan? Ironinya kita tidak boleh meniadakan fakta mahupun statistik yang dibentangkan pihak berkuasa kerana ia adalah insiden benar yang berlaku dan sedang menghantui kehidupan anggota masyarakat sekarang.

Justeru, penulis berpandangan isu ini berterusan kerana masih terdapat kelemahan yang ketara dalam aspek kesedaran dan tanggungjawab ibu bapa, ahli keluarga dan anggota masyarakat mengenai jenayah ini. Jelas sekali peranan mereka masih di bawah kemampuan yang sebenar dalam menyumbang ke arah pencegahan jenayah itu. Hal ini kerana mahu tidak mahu merekalah yang sepatutnya mengambil berat, menjaga, melindungi serta mempedulikan soal keselamatan kanak-kanak.

Oleh yang demikian, kita berharap ibu bapa, ahli keluarga dan anggota masyarakat akan mengambil iktibar dengan kedudukan statistik ini sekali gus memberi perhatian yang lebih serius kepada soal keselamatan anak-anak.

Ibu bapa dan ahli keluarga misalnya, sebagai individu yang paling rapat dengan kanak-kanak,

perlu menjadi benteng pertahanan yang ampuh. Ibu bapa terutama tidak boleh lari atau elak daripada memikul tanggungjawab ini. Hal ini penting kerana dalam kebanyakan kes jenayah terhadap kanak-kanak kecuaiannya ibu bapa menjadi antara punca utama anak menjadi mangsa jenayah seksual.

Dalam konteks ini, di samping melindungi anak secara fizikal, ibu bapa dan ahli keluarga juga perlu mengutamakan elemen didikan, asuhan dan nasihat yang sewajarnya kepada anak-anak. Ibu bapa perlu ajar dan menerapkan pengetahuan berkaitan tingkah laku yang dikategorikan sebagai jenayah seksual kepada anak-anak.

Ringkasnya, anak-anak perlu tahu apa yang dimaksudkan dengan jenayah seksual supaya mereka boleh waspada dan elak jika ada individu yang cuba untuk berkelakuan kurang sopan terhadap mereka. Ia penting kerana khuatir anak-anak sebenarnya tidak tahu perbuatan jenayah seksual seseorang individu terhadap mereka itu sebenarnya adalah salah dan tidak boleh dibenarkan.

Ringkasnya, ajarlah mereka dari kecil lagi apa yang dimaksudkan dengan kesalahan atau perbuatan rogol, cabul, luar tabii dan sebagainya. Biar ilmu ini tersemat dalam sanubari mereka buat selamanya.

Mengikut statistik, jenayah rogol merekodkan kes yang paling banyak dan kebanyakan daripada perbuatan jijik ini membabitkan suspek yang dikenali oleh mangsa ataupun keluarga, di samping

penjenayah daripada kalangan individu yang tidak dikenali. Maka ibu bapa perlu memastikan orang yang berada di sekeliling anak-anak atau orang yang berpeluang merapati anak kita adalah individu yang kita kenal betul-betul, boleh dipercayai dan diyakini sepenuhnya dari segi sikap dan tingkah lakunya.

Jangan ambil mudah soal ini kerana kecuaiannya kita boleh mengundang padah bak kata pepatah, harapkan pegar, pegar makan padi, kita tidak tahu apa mereka buat kepada anak-anak di belakang kita. Justeru jangan terlalu mudah percaya kepada orang lain atau membenarkan orang lain mendekati anak kita.

Pada masa sama, anggota masyarakat juga perlu turut menyumbang ke arah mewujudkan persekitaran yang selamat kepada anak-anak. Kita perlu cakna dan ambil tahu apa yang sedang berlaku di sekeliling kita terutama di kawasan kejiranan atau perumahan kita. Antara peranan kita menjadi mata dan telinga pihak berkuasa dan ahli masyarakat di sekeliling dalam menjaga keselamatan anak-anak di kawasan kita.

Dalam hal ini, tidak salah untuk kita menjaga tepi kain orang asalkan niat kita baik dan betul. Jika berlaku sebarang aktiviti yang mencurigakan terutama jenayah seksual terhadap kanak-kanak, kita perlu segera bertindak untuk menyelamatkan anak tersebut. Jadilah masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab.

Kesimpulannya, kita tetap mengharap supaya pihak berkuasa meneliti semula

hukuman sedia ada, jika ia belum mampu mengekang perbuatan keji ini maka eloklah dipinda supaya dapat dijatuhkan hukuman yang setimpal dan lebih berat. Elemen penguatkuasaan itu sangat penting dalam usaha untuk mengekang dan mencegah jenayah seperti ini.

Tuntasnya, anak adalah anugerah Tuhan yang perlu dijaga dan dilindungi sepanjang masa. Oleh itu, keselamatan anak-anak adalah tanggungjawab bersama. Jangan letak tanggungjawab itu di bahu pihak berkuasa semata-mata sebaliknya semua komponen anggota masyarakat perlu berganding bahu bersama-sama pihak berkuasa agar kita dapat menangani dan mencegah jenayah seksual terhadap kanak-kanak ini dari peringkat akar umbi lagi.

Penulis pentadbir di universiti awam dan penganalisis isu semasa

Tidak salah untuk kita menjaga tepi kain orang asalkan niat kita baik dan betul. Jika berlaku sebarang aktiviti yang mencurigakan terutama jenayah seksual terhadap kanak-kanak, kita perlu segera bertindak

dialog kotaraya oleh juragan

